

*Muzium Sastera yang terletak di Jalan  
Gereja, Banda Hilir, Melaka.*



B/H 1/4/14 MS5.

# Muzium kebanggaan pengkarya sastera

» *Persatuan Penulis Melaka antara penyumbang terbesar*

**M**uzium Sastera yang terletak di Jalan Gereja, Banda Hilir, Melaka, bukan saja berperanan menarik pelancong bertandang ke negeri bersejarah itu, bahkan memberi peluang kepada penulis mempamerkan hasil karya mereka.

Persatuan Penulis Melaka (PENAMA) misalnya, mengambil peluang dengan kewujudan muzium itu untuk mengetengahkan hasil penulisan ahlinya dengan mempamerkan pelbagai bentuk karya bagi tatapan umum.

Sebahagian koleksi buku sejarah dan sastera termasuk kumpulan serta antologi puisi yang dipamerkan adalah sumbangan PENAMA yang diterajui oleh Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka, Datuk Wira Othman Muhamad, sekali gus menjadikannya sebagai antara penumbang terbesar di muzium tersebut.

Othman yang juga Ketua 1 PENAMA berkata, banyak karya dihasilkan tokoh dan ahli persatuan sejak 1940-an diletakkan di muzium itu, selain maklumat serta gambar mengenai sejarah penubuhan PENAMA mahupun biodata penulis terkenal tanah air.

Antara penulis itu ialah Datuk Wira Borhan Md Yaman dan Dr Othman Puteh, selain tokoh seperti Tan Sri Aziz Setapa, Prof Datuk Dr Sidek Baba serta Zaid Asra.



“**Sekurang-kurangnya 50 naskhah buku ahli PENAMA dipamerkan di Muzium Sastera dan jumlahnya bertambah apabila ramai penulis baharu menghasilkan kumpulan cerpen**”

**Othman Muhamad,**  
Ketua 1 PENAMA

Sekurang-kurangnya 50 naskhah buku ahli PENAMA dipamerkan di Muzium Sastera dan jumlahnya bertambah apabila ramai penulis baharu menghasilkan buku termasuk kumpulan cerpen.

### **Hasil kerja jadi rujukan**

“Lebih membanggakan apabila hasil karya mereka menjadi rujukan pada peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) yang mahu mendapatkan maklumat mengenai penulisan sejarah, terutama di Melaka,” katanya.

Muzium Sastera terletak di bangunan lama Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM), berhampiran Bangunan Stadthuys (Bangunan Merah) di Banda Hilir.

Muzium itu memberikan penekanan kepada sejarah penulisan dan pengkaryaan bermula penulisan cerita rakyat dan karya agung seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah* serta *Hukum Kanun Melaka* sehinggalah era Munsyi Abdullah serta kesusasteraan Melayu moden.

Bahan pameran utama ialah lukisan yang menggambarkan peristiwa penting berdasarkan petikan *Sejarah Melayu* dan bentuk hukuman yang dilaksanakan menurut *Hukum Kanun Melaka* serta koleksi manuskrip asal tulisan tangan dari seluruh pelusuk dunia.

Penghormatan turut diberikan kepada penulisan berbentuk tradisional merangkumi pantun, gurindam, nazam dan puisi, manakala Galeri Sasterawan Negara (SN) dan Penulis Melaka pula menjadi sebahagian tarikan utama pelawat ke muzium berkenaan.